



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KESAN PENTADBIRAN BRITISH TERHADAP PEMBANGUNAN BANDAR DI NEGERI PERAK, 1900-1957

TUAN WAHEDA BINTI TUAN CHIK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KESAN PENTADBIRAN BRITISH TERHADAP PEMBANGUNAN BANDAR DI NEGERI PERAK, 1900-1957

TUAN WAHEDA BINTI TUAN CHIK

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 07 06 22  
 Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan) ..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, TUAN WAHEDA BINTI TUAN CHIK, M20171001252, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA  
 NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa  
 disertasi/tesis yang bertajuk KESAN PENTADBIRAN BRITISH TERHADAP PEMBANGUNAN BANDAR  
DI NEGERI PERAK, 1900-1957

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana  
 hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi  
 maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula  
 daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan  
 dengan sejelasnya dan secukupnya

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

waheda

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, Prof Madya Dr.KHAIRI BIN ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini  
 mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN PENTADBIRAN BRITISH  
TERHADAP PEMBANGUNAN BANDAR DI NEGERI PERAK, 1900-1957

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut  
 Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah  
 SARJANA SEJARAH MALAYSIA

(SLA NYATAKAN NAMA  
IJAZAH).

7 JUN 2022

Tarikh

**PROF MADYA DR. KHAIRI BIN ARIFFIN**  
 Pensyarah Kanan  
 Jabatan Sejarah  
 Fakulti Sains Kemanusiaan  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN PENTADBIRAN BRITISH TERHADAP PEMBANGUNAN BANDAR

DI NEGERI PERAK, 1900-1957

No. Matrik / Matric's No.: M20171001252

Saya / I : TUAN WAHEDA BINTI TUAN CHIK

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

waheda

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

7 JUN 2022  
Tarikh: \_\_\_\_\_

*PROF MADYA DR KHAIROL ARIFFIN*

Pensyarah Kanan

Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya kajian ini dapat dijalankan. Ribuan terima kasih kepada penyelia utama iaitu Prof. Madya Dr. Khairi Ariffin penyelia kedua Dr. Ramli Saadon daripada Jabatan Sejarah Universiti Pendidikan Sultan Idris selaku penyelia kepada penyelidik dalam menyiapkan disertasi sarjana ini. Segala pengalaman dan ilmu pengetahuan yang diperolehi daripada penyelia amat dihargai. Bimbingan secara berterusan oleh penyelian amat membantu dalam proses menyiapkan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana turut memberi sokongan dalam menyiapkan penulisan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur atas kerjasama dan bantuan dalam perolehan sumber maklumat utama yang terdiri daripada dokumen-dokumen rasmi kerajaan. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris dan juga Perpustakaan Universiti Malaya. Penghargaan juga buat ibu tercinta dan suami tersayang atas dorongan sepanjang pengajian dijalankan.





## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesan pentadbiran kolonial British terhadap pembangunan bandar di Perak pada tahun 1900 sehingga 1957. Campur tangan British bukan sahaja memberi keuntungan terhadap pihak kolonial malah telah memberi kesan terhadap proses pembangunan setempat terutamanya aspek perbandaran di beberapa daerah di Perak. Pembangunan perbandaran disifatkan semakin pesat semasa pentadbiran British kerana kegiatan ekonomi dan politik. Oleh itu, kajian mengenalpasti kemunculan bandar-bandar utama di negeri Perak. Penglibatan kolonial British dalam perbandaran di Perak turut dihuraikan di/samping mengetengahkan isu dan permasalahan dalam perbandaran di Perak ketika era pentadbiran kolonial British. Kajian dijalankan menggunakan sepenuhnya kaedah kualitatif dengan penekanan terhadap analisis dokumen primier seperti fail *Perak Secretariat, High Commisioner Office* dan juga *Perak Gazette* yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia. Kajian serta penulisan berkenaan perbandaran turun dianalisis bagi mengukuhkan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati antara kawasan yang mengalami pembangunan bandar ketika era kolonial ialah Ipoh, Taiping, Teluk Anson, Kampar, Batu Gajah, dan juga Grik. Di samping itu, pelbagai jabatan yang bertanggungjawab dalam urusan perbandaran telah ditubuhkan di bawah kuasa pentadbiran peringkat negeri Perak seperti *Town Planning Department, Public Work Department* serta *Sanitary Board*. Prasarana bandar serta jaringan pengangkutan awam turut memberi kesan kepada kepesatan pembangunan bandar. Permasalahan sosial seperti petempatan setinggan bandar dan masalah sosial dalam masyarakat di kawasan bandar juga wujud kesan daripada proses perbandaran yang berlaku. Pembangunan bandar yang berlaku di Perak secara umumnya dikaitkan dengan polisi pentadbiran British yang disifatkan bertujuan memberi keuntungan terhadap pihak kolonial dan dalam masa yang sama memberi impak positif terhadap pembangunan di Perak.





## THE EFFECT OF BRITISH ADMINISTRATION TOWARDS THE URBAN DEVELOPMENT IN PERAK, 1900-1957

### ABSTRACT

The study was carried out to examine the impact of British colonial administration on urban development in Perak from 1900 until 1957. British intervention not only benefited the colonial but also affected the local development process, especially the urban aspects in some districts in Perak. The development of the town was deemed to be accelerating during the British administration due to the economic and political activities of the colonialists. Therefore, this study is identifying the emergence of major cities in Perak. The British colonial involvement in the urbanisation in Perak was also described apart from highlighting issues and problems in the urbanisation in the state of Perak during the era of British colonial administration. The study was conducted using qualitative methods by emphasising on the analysis of primary documents such as Perak Secretariat files, High Commissioners Office and also Perak Gazette obtained from the National Archives of Malaysia. Studies and writings on municipalities were analysed to strengthen the findings of the study. The results of the study found that among the areas that experienced urban development during the colonial era were Ipoh, Taiping, Teluk Anson, Kampar, Batu Gajah, and Grik. In addition, various departments responsible for urbanisation affairs have been established under the Perak state authority such as the Town Planning Department, Public Work Department and Sanitary Board. Urban infrastructure as well as public transport network also affect the rapid development of the city. Social problems such as urban squatter settlements and social problems in the community in urban areas also exist as a result of the municipal process that takes place. Urban development in the state of Perak is generally associated with British administrative policies which was beneficial to the British colonial and at the same time have a positive impact on development in the state of Perak.





## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii



### BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Penyataan masalah	10
1.3 Objektif kajian	12
1.4 Soalan kajian	13
1.5 Skop kajian	13
1.6 Tujuan kajian	15
1.7 Tinjauan Kajian	15
1.8 Kepentingan kajian	28
1.9 Definisi istilah	30
1.10 Kaedah kajian	36
1.11 Pembahagian bab	37



**BAB 2 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG KEMUNCULAN BANDAR DI NEGERI PERAK**

2.1 Latar Belakang Negeri Perak	40
2.2 Petempatan Tradisional di negeri Perak	44
2.3 Komposisi Penduduk di petempatan-petempatan tradisional	54
2.4 Campur Tangan British Dalam Pentadbiran Negeri Perak	60
2.5 Sosioekonomi Masyarakat Perak	67

**BAB 3 KEMUNCULAN BANDAR-BANDAR UTAMA NEGERI PERAK SEMASA PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH**

3.1 Pengenalan	70
3.2 Grik	73
3.3 Taiping	75
3.4 Ipoh	90
3.5 Batu Gajah	100
3.6 Kampar	107
3.7 Teluk Anson	111
3.8 Kesimpulan	127

**BAB 4 POLISI DAN PENGLIBATAN PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH TERHADAP PERBANDARAN DI NEGERI PERAK**

4.1 Pengenalan	129
4.2 Penubuhan jabatan-jabatan kerajaan	130
4.2.1 Public Work Department	130





4.2.2 Town Planning Department	138
4.3 Pelan dan rancangan pembangunan	149
4.3.1 Penubuhan Sanitary Board	152
4.3.2 Town Planning Policy	157
4.3.3 Pengurusan cukai perniagaan perumahan	159
4.4 Pembinaan prasarana bandar dan institusi awam	160
4.4.1 Pembinaan bank dan bangunan kerajaan	163
4.4.2 Pasar dan premis perniagaan	165
4.4.3 Pembinaan mega di kawasan bandar	169
4.4.4 Kemudahan <i>Government Guest House</i>	170
4.4.5 Perumahan Awam di Kawasan Bandar	171
4.4.6 Premis perniagaan <i>toddy</i>	175
4.4.7 Pusat hiburan dan permainan	178
4.4.8 Kemudahan perkhidmatan pos	179
4.5 Perkembangan jaringan pengangutan awam	181
4.6 Kesimpulan	182

## BAB 5 ISU DAN MASALAH PERBANDARAN NEGERI PERAK PADA ERA KOLONIAL BRITISH

5.1 Pengenalan	185
5.2 Isu dalam perbandaran dan permasalahan sosial	193
5.3 Perubahan populasi penduduk	199
5.3.1 <i>Conurbation</i>	203
5.3.2 Pertambahan tenaga buruh luar	204
5.3.3 Peluang Pekerjaan	206





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

5.3.4 Perubahan susunan perumahan bandar	209
5.4 Isu dalam pentadbiran Town Planning Department	213
5.5 Kesimpulan	217
<b>BAB 6 KESIMPULAN</b>	219
<b>RUJUKAN</b>	227



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
2.1	Senarai Bandar dan Kampung di Negeri Perak	41
2.2	Perkampungan Tradisional di Negeri Perak	48
2.3	Antara Petempatan Terbesar Di Negeri Perak	50
2.4	Pekan kecil yang terawal di negeri Perak	52
2.5	Bancian jumlah penduduk di Perak	56
2.6	Taburan Penduduk di daerah-daerah dalam negeri Perak	57
2.7	Populasi penduduk negeri Perak	59
2.8	Pemberian hak milik tanah kekal di Perak, 1900	65
3.1	Imigrasi penduduk ke negeri Perak	71
3.2	Syarikat perlombongan bijih timah di Taiping	80
3.3	Pelan skim pengairan di Batu Gajah.	105
3.4	Nama pemilik asal tanah	123
4.1	Kakitangan Town Planning Department di negeri Perak pada tahun 1929	142
4.2	Bilangan kenderaan bermotor berdaftar di negeri Perak	157
4.3	Lesen bulanan jualan di pasar	158
4.4	Kerja-kerja oleh Jabatan Perancangan Bandar 1927	160





4.5	Bilangan bangunan kerajaan	162
4.6	Premis perniagaan berlesen	174
4.7	Skim Perumahan Awam di bandar Ipoh, 1955	171
4.8	Kadar harga, pinjaman dan bayaran balik bagi pembelian rumah yang popular di bandar	171
4.9	Stesen kereta api	180
5.1	Bilangan kes jenayah berat di negeri Perak	198
5.2	Bilangan buruh perlombongan	204
5.3	Bilangan tenaga buruh mengikut sektor pekerjaan	205





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Halaman
3.1 The Chatered Bank Ipoh	95



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

ADO	Assistant District Officer
CO	Colonial Office
DO	District Officer
FMS	Federated Malay States
HCO	High Commisioner Officer
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
PK	Perak Secretariat
PWD	Public Work Department





## BAB 1

### LATAR BELAKANG KAJIAN



#### 1.1 Pendahuluan

Bandar merupakan pusat utama dalam proses perluasan dan perkembangan pengaruh kolonial British di seluruh Tanah Melayu khususnya negeri Perak. Malah, kolonialisasi British telah disifatkan mendorong kepada pembentukan sistem perbandaran yang moden.<sup>1</sup> Di samping itu, kolonialisasi British merupakan perintis kepada pembentukan struktur atas bandar-bandar yang terdapat di Perak. Negeri Perak merupakan salah satu negeri-negeri Melayu yang terletak di pantai barat semenanjung Tanah Melayu dengan kedudukan garis

---

<sup>1</sup> Raja Mohd Affandi. (1977). *Perbandaran dan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.





bujur  $100^{\circ} 30' T$  dengan  $101^{\circ} 45'$  dan terbentang dalam garisan lintang  $3^{\circ} 40' U$  dan  $5^{\circ} 50' U$ .<sup>2</sup>

Kedudukannya bersempadan dengan Selangor yang dipisahkan oleh Sungai Bernam di bahagian Tanjung Malim<sup>3</sup>. Negeri Perak mempunyai keluasan 80 batu di bahagian yang paling luas dan 30 batu pada bahagian yang paling kecil dengan anggaran 5000 batu persegi keluasan keseluruhan.<sup>4</sup> Melalui Perjanjian Burney dengan Siam pada tahun 1826, Kemerdekaan Perak dan Selangor telah diiktiraf namun Sultan Perak masih dibenarkan untuk menghantar ufti kepada kerajaan Siam.<sup>5</sup>

Perak merupakan negeri di Tanah Melayu pertama yang menerima residen British selepas termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874.<sup>6</sup> Pengenalan sistem Residen British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu khususnya di Perak menandakan bermulanya revolusi politik ke arah membentuk negeri yang moden.<sup>7</sup> Negeri Perak telah dinyatakan sebagai negeri yang kaya dalam negeri di semenanjung Tanah Melayu sejak sebelum abad ke-19.<sup>8</sup> Perak juga dikaitkan dengan tanah palma dan mempunyai penghasilan kelapa sawit yang tinggi dan sumber ini juga telah memberikan pulangan komersial kepada pentadbiran negeri Perak.

<sup>2</sup> Negeri Perak bersempadan dengan Selangor di sebelah selatan, Pahang dan Kelantan di bahagian timur, Kedah, Pulau Pinang dan Thailand di utara manakala selat Melaka di bahagian barat. Negeri Perak direntasi Sungai Perak yang mengalir sepanjang 406km melintasi daerah Hulu Perak, Kuala Kangsar, Perak Tengah dan Hilir Perak. Zabidin Haji Ismail, 2013, *Menara Condong Teluk Intan*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, hlm1

<sup>3</sup> Zainal Abidin Daud, 1929, *Riwayat Tanjung Malim*. Kuala Pilah: The Malay Press. hlm 52

<sup>4</sup> Isabella L. Bird, 1883, *The Golden Chersonese, Travel In Malaya 1879*. Singapura: Oxford University Press, hlm 35

<sup>5</sup> Federated Malay States Government Gazette 1933. hlm 2

<sup>6</sup> Sir Andrew Clarke telah berjaya meyakinkan Sultan Perak menandatangani Perjanjian Pangkor yang secara tidak langsung pentadbiran negeri Perak perlu menerima seorang Residen yang bertanggungjawab dalam pemerintahan negeri kecuali hal berkaitan adat istiadat dan agama. FMS Government Gazette. hlm 2

<sup>7</sup> Joseph Kennedy, 1967, *A History of Malaya*, New York: St Martin's Press, hlm187

<sup>8</sup> Isabella L. Bird, 1883, *The Golden Chersonese, Travel In Malaya 1879*. Singapura: Oxford University Press, hlm 135



Pada asalnya kedatangan kolonial British ke negeri-negeri Melayu adalah bertujuan untuk menguasai ekonomi serta politik tempatan. Perak juga merupakan negeri pertama di Tanah Melayu yang menerima kedatangan penjajah British. Perak merupakan negeri yang menjadi pengeluar bijih timah yang terbesar di Tanah Melayu dan membekalkan lebih separuh daripada pengeluaran bijih timah di semenanjung Tanah Melayu.<sup>9</sup> Hal ini menjadi salah satu faktor yang mendorong kepada campur tangan dalam ekonomi setempat oleh kolonial British sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 1957. Kepentingan komoditi ini sudah lama diketahui oleh British dan menyebabkan pihak mereka serius dalam usaha membawa tamadun Barat di dalam pentadbiran Perak.<sup>10</sup> Bahkan pada waktu itu, dunia juga bergantung dengan pengeluaran timah di Tanah Melayu khususnya Perak.<sup>11</sup> Dalam proses membangunkan perusahaan bijih timah pada waktu itu, ada beberapa aspek yang turut diberi penekanan iaitu penggunaan tenaga buruh, tanah, pengeluaran dan juga pemasaran.



Campur tangan kuasa British telah menandakan era baru dalam pentadbiran negeri Melayu itu kerana melibatkan perubahan bentuk pentadbiran. Tindakan pertama yang dilakukan pihak British ialah menghapuskan penindasan terhadap golongan bawahan dan sistem perhambaan dimansuhkan secara beransur-ansur. Menurut pandangan kolonial British, sistem perhambaan yang telah lama wujud di Perak ini menjadi penghalang kepada

<sup>9</sup> R.A.F. Penrose Junior, 1903, The Tin Deposit of Malay Peninsular with Special Reference to Those of The Kinta District, *The Journal of Geology*, 11(2), hlm 137

<sup>10</sup> Abdullah Lubis, 1982, Perkembangan Sejarah Di Larut dalam *Perak Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia., hlm 22

<sup>11</sup> Bermula pada tahun 1898 sehingga 1905, pengeluaran bijih timah di Malaya merupakan lebih daripada separuh pengeluaran timah sedunia. Walaupun pada tahun 1906 hingga 1938 pengeluarannya menurun, dengan pengecualian berkala pengeluarannya telah mengekalkan satu pertiga dari keluaran timah dunia. Li Dun Jen. (1982). *British Malaya, An economic Analysis*, Petaling Jaya: Institute fo Social Analysis, hlm 62.

perkembangan ekonomi kerana bersifat kuno dan tidak sesuai dengan ekonomi kapitalis.<sup>12</sup>

Dalam usaha membangunkan sesebuah bandar, sistem pengurusan lama yang sudah tidak relevan lagi perlu dihapuskan dan digantikan dengan satu sistem yang lebih sistematik. Pengurusan pentadbiran yang baru ini telah memberi kesan kepada pembangunan ekonomi, petempatan, sosial serta budaya rakyat tempatan.

Proses pembangunan bandar di suatu kawasan pasti berbeza disebabkan proses pentadbiran yang pernah dilalui satu masa dahulu. Pembangunan merupakan perubahan suatu aspek di mana cirinya agak menyeluruh. Pembangunan yang terancang telah menjadi satu fenomena pada abad ke-20 dan hal ini menjadi asas kepada pembangunan suatu kawasan.<sup>13</sup> Perancangan bandar oleh pihak kolonial Inggeris seperti yang dibincangkan oleh Robert Home<sup>14</sup> merujuk kepada model Lord Shaftesbury's Grand yang diasaskan sekitar tahun 1670. Model ini merujuk kepada ciri-ciri landskap pembangunan bandar bercirikan Inggeris yang dirancang berdasarkan gaya hidup masyarakat Inggeris yang turut terdiri daripada pelbagai kaum dan mengambil kira keperluan kaum wanita dan konsep kekeluargaan. Hal ini adalah disebabkan kekurangan penggunaan ruang awam dalam perancangan bandar sebelum era kolonial. Hal ini kerana ruang dan persekitaran binaan di kawasan bandar di negeri Perak adalah terdiri daripada kem tentera, lapang dengan kawasan padang, mempunyai berek askar dan kilang pembuatan bahan keperluan perang.

<sup>12</sup> Azrai Abdullah, Izdihar Baharin, Rizal Yaakop. (2012). The Transformation of Perak's Political and Economic Structure in The British Colonial Period in Malaya 1874-1957 , *Journal of History, Politics & Strategy*, 39(2), hlm 64.

<sup>13</sup> Mohd Hairy Ibrahim, Jamaludin Md Jahi, Abdul Samad Hadi & Khairi Ariffin. (2011). Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi Sebuah Bandaraya, *Sari International Journal of the Malay World and Civilization*, 29(2), hlm 159

<sup>14</sup> Robert Home. (1997). *Of planting and planning: The making of British colonial cities* (1st edition). London: Chapman & Hall, hlm 9



Begitu juga, bentuk bandar di kota kolonial juga dipengaruhi oleh amalan sosial yang dibuat oleh penduduk asli atau budaya pelbagai kaum yang menampakkan diri ke lanskap pluralisme. Bentuk fizikal yang dominan dan lanskap bandar kolonial sebuah bandar kolonial di mana jalan lebar biasanya dirancang dalam jarak 100-150 kaki untuk jalan utama. Jalan yang luas adalah kepentingan sosial bagi bandar-bandar kolonial dengan tujuan untuk pengawasan, kesihatan awam seperti untuk menghilangkan bau yang kurang menyenangkan berpunca daripada sistem kumbahan dan perparitan serta dalam masa yang sama untuk menghalang wabak penyakit. Ia juga bertujuan untuk kepentingan sistem pengudaraan di bandar kerana pokok-pokok yang bersaiz besar telah ditanam di tepi-tepi jalan raya. Fungsi pencegahan kebakaran serta sistem perparitan telah dilaksanakan bagi tujuan keselamatan kawasan bandar.<sup>15</sup> Oleh itu, perbincangan berkenaan isu dimensi "bangsa, kelas dan etnik dan bangsa" yang wujud dalam proses pembangunan bandar kolonial mendorong kepada pembangunan ekonomi kapitalis global.



Kemasukan kolonial British di Tanah Melayu sejak tahun 1874 telah menjadi salah satu titik permulaan kepada perubahan kepada ekonomi serta sosial dalam kalangan masyarakat dan membawa kepada kemunculan bandar-bandar baru. Kolonialisme merupakan sistem di mana satu masyarakat atau negara mengawal rakyat di sesebuah jajahan. Negara kolonial tersebut akan menghantar rakyat negaranya untuk menetap di kawasan penaklukannya bagi tujuan pentadbiran dan mengawal segala sumber yang ada dan hal ini merupakan asas bagi konsep penjajahan khususnya terhadap negara yang mempunyai kepelbagaian sumber asli. Kuasa barat pada masa itu bersaing dalam usaha mengeksplorasi kegiatan ekonomi di Asia Tenggara terutamanya pada abad ke-19. Bagi

<sup>15</sup> Robert Home. (1997). *Of Planting and Planning: The Making of British Colonial Cities*. London: Chapman, hlm 135





menjayakan misi penaklukan mereka di Tanah Melayu, pihak British telah memberikan tumpuan yang lebih di kawasan perdagangan serta tempat yang mempunyai sumber hasil bumi yang menguntungkan seperti bijih timah.

Sebelum kemasukan kolonial British, aktiviti perlombongan di Perak tidak kegiatan ekonomi yang dijalankan secara komersial bagi orang Melayu.<sup>16</sup> Fakta-fakta berkenaan campurtangan British di Perak, dan juga negeri-negeri Melayu yang lain, masih belum lagi ditulis secara rasmi, namun hal tersebut bermula dengan permintaan Raja Abdullah seorang anak Raja yang dikatakan berhak untuk menaiki takhta Perak, kepada Gabenor Negeri-negeri Selat untuk menolong beliau menjaga ketenteraman negeri Perak, menghentikan pergaduhan di antara kongsi-kongsi gelap, dan untuk mendapatkan seorang pegawai British yang berpengalaman supaya dapat menolong baginda dalam pentadbiran kerajaan negeri.



Kesemua permintaan yang dibuat oleh Raja Abdullah dipenuhi oleh Gabenor Sir Andrew Clarke, dan Raja Abdullah diiktiraf oleh British sebagai Sultan Perak setelah Perjanjian Pangkor dimeterai pada 20 Januari 1874. Seorang Residen British akan dilantik untuk menolong Sultan Perak dalam pentadbiran negeri. Di antara masalah negeri yang dapat diselesaikan adalah isu sempadan di antara Perak dan Province Wellesley dan pergaduhan di antara dua kongsi gelap besar dapat dihentikan. Kepada sesiapa yang telah mengenali rantau ini di antara tahun 1872 dan 1873, mereka sudah tentu mengetahui yang aktiviti lanun di Selat Melaka telah juga berhenti sama sekali.

<sup>16</sup> Abdul Rahman Tang Abdullah. (2015). Transisi Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu, Ekonomi Era Permulaan Kapitalisma di Tanah Melayu, *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, hlm 102



Kekayaan hasil bumi di Perak telah menjadi satu faktor kedatangan British di negeri tersebut. British juga telah melakukan perubahan ekonomi Melayu yang pada asalnya bercorak tradisional kepada sistem ekonomi kapitalis. Kewujudan kuasa penjajah barat di Perak pada kurun ke-19 telah membawa perubahan dalam aspek politik serta sosio ekonomi masyarakat. Perubahan ini sebenarnya secara tidak langsung telah membawa kepada proses pembangunan dan perbandaran di Perak.<sup>17</sup> Ekoran kepelbagaiannya kaum di Perak, pihak British telah mentadbir penduduk dibawah jajahannya secara berasingan. Dasar ini dikenali sebagai dasar ‘Pecah dan Perintah’. Dasar yang diamalkan ini telah mewujudkan pembahagian kaum dan kelas mengikut aktiviti ekonomi, pekerjaan mereka serta tempat tinggal.

Perkembangan dan pembangunan bandar di Tanah Melayu khususnya negeri Perak kebiasaanya bukan disebabkan migrasi domestik atau penghijrahan penduduk pedalaman ke kawasan bandar. Hal ini kerana hanya sebilangan kecil peratusan migrasi domestik ini telah mempengaruhi perbandaran. Namun, imigrasi buruh dari negara luar telah memberi kesan besar kepada pembukaan bandar baru serta pertambahan populasi penduduk di kawasan tumpuan pembangunan.<sup>18</sup> Migrasi yang berlaku adalah disebabkan oleh keperluan tenaga buruh terutamanya dalam sektor perlombongan serta perladangan yang memerlukan sejumlah tenaga kerja yang besar.

Secara keseluruhannya, kedatangan British ke Perak dikatakan bertujuan untuk memonopoli kekayaan sumber hasil bumi yang ada. Semasa penjajahan British, banyak

<sup>17</sup> Khassim Thukiman. (2002). *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik Johor Darul Takzim*. Skudai: Penerbit UTM, hlm 25

<sup>18</sup> Eunice Cooper. (1951). Urbanization in Malaya. *A Journal of Demography*, 5(2). hlm 121.



perubahan yang telah dilakukan dari aspek politik maupun ekonomi. Pembaharuan yang dijalankan ini telah memberi impak terhadap pembangunan serta struktur pembandaran di Perak dari sudut positif. Pada tahun 1896, Perak telah menyertai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan sejak tempoh itu, berlaku proses pembangunan yang sangat hebat berikutnya perlaksanaan sistem pentadbiran yang berorientasikan pentadbiran barat.<sup>19</sup> Oleh itu, bermula tahun 1900, pelbagai bentuk pembangunan dilaksanakan yang telah memberi kesan kepada pertumbuhan bandar-bandar utama di negeri Perak.

Sistem perundangan terhadap pembangunan perancangan bandar telah wujud ketika zaman kolonial British. Perundangan yang pertama telah menggunakan istilah perancangan bandar adalah *Town Planning Enactment*<sup>20</sup> pada tahun 1923 yang dicadangkan oleh Charles C. Reade. Dengan adanya enakmen ini, wujudlah perkembangan baru dalam perundangan perancangan di Semenanjung Tanah Melayu. Pentadbiran British di Perak juga menjadi perintis dalam perkembangan proses pembangunan terhadap pelbagai aspek.

Struktur dan corak perbandaran di Tanah Melayu adalah amat tidak sekata bermula awal tahun 1900-an. Perkadarannya bandar dengan jumlah penduduk di negeri Perak adalah yang ketiga tertinggi selepas Pulau Pinang dan Selangor. Pada tahun 1911, populasi penduduk di bandar-bandar utama negeri Perak adalah seramai 21.4%, pada tahun 1921

<sup>19</sup> Sivachandralingam Sundara Raja. (2018). *The Economy of Colonial Malaya: Administrators versus Capitalists*. New York: Routledge. Hlm 38

<sup>20</sup> Town Planning Enactment 1923 atau enakmen Perancangan Bandar 1923 bertujuan menyediakan peruntukan bagi pembinaan dan pembangunan bandar dan kawasan lain. Kerajaan negeri telah diberi kuasa melantik sebuah jawatankuasa perancangan bandar yang bertanggungjawab mengubahsuai dan menerima pelan bandar am. Lihat Faizah Ahmad, Ezrin Arbi, Ibrahim Mohd & Melasutra Md Dali, (2014). *Rangka Kerja Perancangan Bandar di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm 53.



adalah sejumlah 22.5% manakala pada tahun 1931 seramai 25.4% dan pada tahun 1947 adalah seramai 29.5%.<sup>21</sup> Jadual 1.1 di bawah menunjukkan perbandingan perkadaran populasi penduduk di bandar di negeri-negeri Melayu.

### Jadual 1.1

#### *Perbandingan peratusan penduduk bandar*

Negeri	Peratus populasi bandar (%)			
	1911	1921	1931	1947
Pulau Pinang	17.2	19.1	22.1	26.5
Selangor	45.8	46.7	53.7	56.2
Perak	25.6	31.0	33.5	38.3
Melaka	21.4	22.5	25.4	29.5
Terengganu	10.4	10.9	12.4	23.5
Johor	9.7	15.5	16.4	22.6
Negeri Sembilan	9.7	13.9	15.8	22.3
Pahang	4.5	7.0	13.3	14.4
Kedah	4.2	6.6	9.4	13.8
Perlis	3.2	2.7	4.1	9.0
Kelantan	4.3	4.2	6.5	7.9

Sumber: Eunice Cooper (1951)

Pada awal abad ke-20 juga, wujud ciri-ciri penting dalam ekonomi moden dan telah memberi kesan kepada pembangunan di bahagian barat semenanjung Tanah Melayu.<sup>22</sup> Selain dicatatkan sebagai negeri yang mempunyai jumlah bandar yang paling banyak, ia juga menjadi negeri yang paling ramai penduduk dan hampir separuh dari penduduk terdiri daripada imigran Cina dan India. Tambahan pula menurut Mc Gee dan T. Robinson, kewujudan rangkaian petempatan bandar yang baru adalah disebabkan penguasaan kuasa barat.<sup>23</sup> Dalam konteks negeri Perak, kemunculan bandar-bandar utama terus berkembang sejak pentadbiran kolonial British. Pertumbuhan serta kemunculan bandar ketika era

<sup>21</sup> Eunice Cooper, (1951), *Urbanization in Malaya. A Journal of Demography*, 5(2), hlm 120.

<sup>22</sup> D.J.M Tate. (1979). *The Making of Modern South-east Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 231

<sup>23</sup> T. G., Nc Gee & Ira. M. Robinson. (1995). *The Mega Urban Regions of South East Asia*. Canada: UBC Press

kolonial British adalah disebabkan beberapa faktor terutamanya dalam memenuhi keperluan ekonomi kolonial

## 1.2 Penyataan Masalah

British telah melakukan campur tangan dalam urusan pentadbiran secara rasminya setelah termeterainya Perjanjian Pangkor pada 1874. Faktor utama yang menarik pihak British ke negeri Perak adalah kerana kekayaan hasil bijih timahnya dan perusahaan bijih timah ini menjadi aspek sejarah ekonomi terpenting negeri Perak.<sup>24</sup> Campur tangan pihak British bukan sahaja memberi keuntungan terhadap pihak kolonial malah telah memberi kesan terhadap proses pembangunan setempat terutamanya aspek perbandaran di beberapa daerah

di negeri Perak. Pembangunan bandar bertambah pesat semasa pentadbiran British kerana kegiatan ekonomi dan politik penjajah.<sup>25</sup> Kawasan perlombongan pada asalnya dimiliki oleh orang Melayu namun setelah campur tangan British berlaku perubahan dan pembangunan landskap perbandaran negeri Perak secara umumnya.<sup>26</sup> Di samping itu, pengenalan kepada *Town Planning Enactment* atau Enakmen Perancangan Bandar oleh kolonial British telah mewujudkan konsep pembangunan bandar teratur yang berorientasikan negara barat. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan bandar-bandar yang membangun dengan saiz sederhana sebelum Perang Dunia Kedua dan hanya terdapat di negeri Perak.<sup>27</sup>

<sup>24</sup> Khoo Kay Kim, 1988, Bijih Timah Dalam Sejarah Perak dalam *Perak Dahulu dan Sekarang*, hlm 35.

<sup>25</sup> Mohd Razali Agus, 1992, Proses Perbandaran dan Masyarakat Melayu Bandar, dalam *Pembangunan Perumahan: Isu dan Prospek* :Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 33

<sup>26</sup> Nordin Hussin, *Larut Matang dan Selama Suatu Sorotan Sejarah*, 1990 hlm 1

<sup>27</sup> Lynn Hollen Lees, 2011, Discipline and Delegation: Colonial Governance in Malayan Towns, 1880-1930. *Journal of Urban History*, hlm 50

Selain daripada kegiatan perlombongan, terdapat lagi aktiviti dan kegiatan ekonomi lain yang membawa kepada perubahan pembangunan Perak seperti ekonomi yang berorientasikan pertanian dan pelabuhan di daerah yang berbeza. Proses pembangunan perbandaran juga telah mewujudkan beberapa kemudahan perkhidmatan bagi merancakkan lagi kegiatan ekonomi pada waktu itu. Elemen lain yang turut terlibat seiring dengan pembangunan perbandaran adalah perubahan bilangan penduduk sama ada bertambah secara semulajadi ataupun terjadi akibat imigrasi.<sup>28</sup> Pembangunan perbandaran yang berlaku ketika pentadbiran kolonial British juga memberi kesan terhadap pertambahan dan kepelbagaiannya infrastruktur di sekitar bandar-bandar besar di negeri Perak. Tidak dapat dinafikan bahawa British juga telah menduduki negeri-negeri lain di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan namun kepentingan Perak semasa pendudukan British amat ketara pengaruhnya memandangkan kelebihannya sebagai negeri yang kaya dengan hasil galian, perhutanan, pertanian dan perairan.

Menurut Vieland, pembangunan bandar bermula tahun 1900 telah berada pada satu tahap yang berbeza dengan negeri Perak menerajui sebagai negeri yang mempunyai bilangan bandar yang terbanyak di negeri-negeri Melayu bersekutu.<sup>29</sup> Pembangunan bandar di negeri Perak juga disifatkan sebagai yang terpenting dalam perbandaran yang berlaku di negeri-negeri Melayu. Tempoh perkembangan perbandaran yang pesat telah berlaku antara abad ke-19 hingga ke-20 dan menyebabkan negeri Perak berkembang ke arah modenisasi. Hal ini adalah disebabkan peraturan pentadbiran kolonial sama ada secara tidak langsung

<sup>28</sup> Sapiah Baki, 1984, *Struktur dan Fungsi Bandar-Bandar Kecil Di Malaysia, Kajian Kes Teluk Intan 1957-1982*, hlm1, Latihan Ilmiah Tahun Akhir, Universiti Sains Malaysia.

<sup>29</sup> Vieland, C.A. (1932). *British Malaya: A Report on the 1931 Census and on Certain Problems of Vital Statistics*. London, hlm 45

dan langsung yang mempengaruhi perkembangan ekonomi di Perak. Pembangunan bandar yang berlaku pada era kolonial di negeri Perak telah meninggalkan kesan besar terhadap aspek perancangan bandar, seni bina kolonial, landskap, dan teknologi pengangkutan sama ada pengangkutan darat maupun air. Pemandangan bandar yang bercirikan kolonial turut merangkumi bangunan pentadbiran, kemudahan, ruang terbuka rekreasi seperti 'padang' (esplanade), padang perbarisan dan permainan, rumah kedai lama, sekolah, pejabat pos, tempat beribadat, barak tentera, istana, menara jam, penjara, pejabat kerajaan, stesen keretapi, rumah tumpangan dan monumen membentuk bentuk bandar yang padat di bandar atau bandar bersejarah.<sup>30</sup> Dalam masa yang sama, bandar yang dibangunkan ketika era kolonial turut berfungsi sebagai pusat bandar untuk aktiviti perdagangan, tempat tinggal, dan kemudahan awam, interaksi sosial. Sehingga kini, kesan tinggalan bandar ketika era kolonial masih dapat dilihat terutama tinggalan fizikal seperti struktur bangunan dan sistem pentadbiran perancangan bandar yang masih meneruskan sistem seperti pentadbiran era kolonial.

### 1.3 Objektif Kajian

- i. Mengkaji sejarah dan latar belakang negeri Perak.
- ii. Membincangkan kemunculan bandar-bandar utama di negeri Perak semasa pentadbiran kolonial British.
- iii. Menganalisis polisi dan penglibatan pentadbiran kolonial British terhadap perbandaran di Perak.

---

<sup>30</sup> Lee Yoke Lai. (2016). Study on the Evolution of a Heritage Tin Mining Town: A Case of Taiping in Perak, Malaysia, Tesis PhD, hlm 48



- iv. Menganalisis isu dan permasalahan dalam perbandaran pada era pentadbiran kolonial British di Perak.

#### **1.4 Soalan Kajian**

- i. Apakah sejarah latar belakang dan campur tangan kolonial British dalam pentadbiran dan pembangunan bandar negeri Perak?
- ii. Apakah bandar-bandar utama yang membangun ketika pentadbiran kolonial British?
- iii. Sejauh manakah penglibatan British dalam pentadbiran dan apakah polisi yang dibuat di negeri Perak yang memberi kesan kepada kegiatan ekonomi dan dasar pembangunan kolonial British?
- iv. Apakah isu dan masalah yang timbul dalam perbandaran ketika era kolonial British di negeri Perak?

#### **1.5 Skop kajian**

Skop kajian yang dijalankan ini adalah bermulanya abad ke 20 iaitu tahun 1900 hingga 1957. Pemilihan tempoh masa ini pertamanya bertujuan untuk memberi gambaran situasi di Perak era kolonial ketika permulaan kurun ke-20 hingga berakhirnya pemerintahan Inggeris pada 1957 iaitu tahun negara mencapai kemerdekaan dan berakhirnya era penjajahan. Disamping itu, tempoh ini telah menunjukkan perubahan dalam landskap pembangunan bandar terutamanya aspek perbandaran yang telah dipengaruhi oleh



beberapa faktor seperti kegiatan perlombongan bijih timah yang telah membawa masuk sejumlah besar imigran dari luar. Pembangunan bandar yang terancang juga telah menjadi satu fenomena ketika bermula abad ke-20 iaitu tahun 1900-an dan ia menjadi faktor utama dalam mewujudkan perubahan di sesebuah negara.<sup>31</sup> Kajian juga turut dilanjutkan sehingga tahun 1957 kerana pembangunan semakin rancak telah berlaku ketika selepas Perang Dunia Kedua kerana kuasa barat berusaha untuk membina semula negara mereka termasuk di wilayah serta negara jajahan mereka. Di samping itu, kemuncak pertumbuhan populasi penduduk telah berlaku ketika bermula tahun 1900-an. Hal ini menyebabkan sebahagian besar peneroka baru dan penduduk tempatan mendiami petempatan-petempatan baru di negeri Perak.<sup>32</sup> Oleh itu, kajian ini memperlihatkan perkembangan pembangunan bandar yang berlaku sepanjang era pentadbiran kolonial British pada tempoh masa tersebut.



Lokasi kajian pula tertumpu di bandar utama di setiap daerah di negeri Perak yang telah menerima pembangunan terawal setelah kemasukan kolonial British. Daerah yang terlibat adalah, Hulu Perak, Hilir Perak, Larut, Lembah Kinta dan juga Batang Padang. Antara bandar yang terlibat pula adalah Ipoh, Batu Gajah, Kampar, Taiping, Telok Anson, dan juga Grik.

<sup>31</sup> Lihat Rahimah Abd Aziz, 2000, Globalisasi Dalam Era Pembangunan: Pengalaman Malaysia, di dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 20.

<sup>32</sup> D.J.M Tate, 1979, *The Making of Modern South-east Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 231



## 1.6 Tujuan Kajian

Penyelidikan yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti kemasukan British di negeri Perak serta kesan pendudukannya terhadap pembangunan perbandaran sekitar tahun 1900 hingga 1957. Kajian ini akan mengkaji sejarah hasil kekayaan hasil yang terdapat di negeri Perak serta perubahan persekitaran dan perbandaran yang berlaku setelah segala hasil tersebut telah dieksloitasi dan dibangunkan ketika pendudukan British di Perak. Pembangunan yang berlaku ini telah membawa kepada kemajuan serta di bandar-bandar terpilih di Perak dan maklumat berkenaan pembangunan yang berlaku ini membantu dalam mencapai tujuan utama penyelidikan.



## 1.7 Tinjauan Kajian

Sebahagian besar kajian terdahulu adalah mengenai sejarah perlombongan bijih timah dan bandar-bandar perlombongan. Namun kajian yang dijalankan ini adalah berkisarkan kemasukan kolonial British di negeri Perak dan kesannya terhadap pembangunan perbandaran yang berlaku di bandar yang terpilih. Belum ada kajian khusus yang menceritakan perubahan perbandaran yang berlaku kesan daripada eksloitasi hasil kekayaan bumi yang ada di Perak dan polisi pentadbiran British itu sendiri.



Antara kajian awal berkenaan sejarah Perak dan serangan British di negeri Perak ialah *A History of Perak*<sup>33</sup> oleh R.O Winsted *et al.* Penulisan R.O Winsted *et al* ini menceritakan sejarah negeri Perak bermula dari tamadun awal serta era penjajah Portugis pada 1511. Penulisan ini telah dibahagikan kepada sepuluh tema atau bab utama yang menerangkan negeri Perak ketika era kolonialisasi Inggeris bermula kedatangan Portugis, Belanda sehingga pendudukan tentera British. Penulisan R.O Windsted *et al* juga dalam bab British Intervention lebih tertumpu kepada sejarah dan penceritaan negeri Perak ketika sebelum dan semasa campur tangan British dalam pemerintahan. Penulisan ini membantu dalam mendapatkan maklumat berkenaan sejarah dan latar belakang ketika British melakukan campur tangan dalam urusan pentadbiran setelah termeterainya Perjanjian Pangkor 1874. Penulisan R.O Windsted *et al* ini kurang mengetengahkan maklumat dan penceritaan berkenaan pembangunan serta pertumbuhan bandar yang berlaku di Perak kerana penulisan bab ini lebih terarah kepada penceritaan sejarah namun ia amat membantu dalam mengenal pasti asas pentadbiran kolonial British di negeri Perak.

Lim Teck Ghee dalam tesis sarjananya bertajuk *Perak-Aspect of British Land And Agriculture Policy*<sup>34</sup> secara keseluruhannya berkisarkan pembangunan tanah di negeri Perak. Di samping itu, kajian Lim Teck Ghee telah menekankan kajian pembangunan negeri yang berdasarkan pertanian padi di daerah-daerah yang terdapat di negeri Perak. Penulis juga telah menyatakan perkembangan sektor pertanian berkait rapat dengan dasar tanah yang diperkenalkan pentadbiran kolonial British bagi memenuhi keperluan ekonomi. Secara umumnya, kajian Lim Teck Ghee tertumpu hanya pada polisi British terhadap

<sup>33</sup> R.O, Winsted & R. J. Wilkinson. (1934). A History of Perak, *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society*, 12(1), 1-180.

<sup>34</sup> Lim Teck Gee, 1968, *Perak-Aspect of British Land and Agriculture Policy*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya,

penggunaan tanah untuk tujuan pertanian khususnya penanaman padi. Kajian yang telah dijalankan oleh Lim Teck Ghee ini telah memberi ruang kepada satu penyelidikan yang lain untuk merungkai aspek polisi serta dasar kolonial British dalam pertanian dan kesannya terhadap pembangunan bandar di negeri Perak. Walaupun kajian oleh Lim Teck Ghee tidak difokuskan kepada aspek pembangunan bandar, namun ia telah memberi gambaran bahawa pertanian merupakan aspek yang penting untuk diketengahkan dalam perbincangan berkenaan pembangunan negeri Perak.

Jika kajian Lim Teck Ghee lebih tertumpu dalam perbincangan aspek penggunaan tanah untuk pertanian, terdapat kajian lain yang telah memberi penjelasan tentang evolusi perbandaran yang lebih terperinci di Malaya. Kajian tersebut telah dibahaskan oleh Lim Heng Kow dalam tesis yang bertajuk *The Evolution of The Urban System in Malaya*.<sup>35</sup>

Secara umumnya, kajian tentang pembangunan bandar oleh Lim Heng Kow adalah dalam konteks geografi atau urban geografi dan juga sejarah bermula era penjajahan kolonial British di Malaya ketika awal kemerdekaan Tanah Melayu. Menurut Lim Heng Kow, proses pembangunan bandar yang berlaku selepas penjajahan British adalah kesan daripada perusahaan kegiatan perlombongan serta ekonomi pertanian secara komersial. Peningkatan dua sektor penting ini telah mendorong kepada perkembangan jaringan perhubungan yang telah merangsang pertumbuhan bandar-bandar baru di Malaya. Kajian mengenai evolusi perbandaran oleh Lim Heng Kow sangat terperinci dan telah menyentuh pelbagai isu penting dalam aspek pembangunan bandar seperti pembangunan petempatan, populasi penduduk, kegiatan ekonomi dan perdagangan serta perkembangan sistem jaringan perhubungan.

<sup>35</sup> Lim Heng Kow. (1974). *The Evolution of The Urban System in Malaya*. Tesis Doktor Falsafah, University of London.



Kajian Lim Heng Kow adalah lebih luas dan menerangkan proses perbandaran di seluruh Malaya. Namun, penjelasan berkenaan perbandaran di negeri Perak turut dijelaskan di awal kajian dan tidak secara terperinci. Kajian ini telah memberi gambaran bahawa Perak merupakan negeri yang amat sesuai dalam proses untuk menguji hipotesis bahawa perbandaran yang berlaku adalah disebabkan dasar kolonial dan kemasukan imigran yang kompleks. Penjelasan oleh Lim Heng Kow telah membantu kajian yang dijalankan berkenaan aspek penting dalam pembangunan bandar ketika era pentadbiran kolonial British. Kajian yang dijalankan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan penulisan Lim Heng Kow kerana lebih tertumpu pada perbincangan tentang perbandaran dalam konteks negeri Perak ketika era kolonial British.



Seterusnya, perbincangan dalam kajian yang dijalankan oleh Yong Lai Chong bertajuk *The Evolution of the Urban Pattern of Southeast Asia During The Nineteenth and Twentieth Century*<sup>36</sup> turut membahaskan isu perkembangan bandar. Secara umumnya, kajian Yong Lai Chong dan Lim Heng Kow mempunyai persamaan kerana kedua-duanya membincangkan perkembangan bandar namun kajian Yong Lai Chong lebih meluas kerana membahaskan pembangunan bandar di beberapa negara di dalam asia tenggara sekitar tahun 1800 sehingga 1960. Namun kajian tersebut tidak membahaskan pembangunan bandar yang berlaku di negeri Perak. Oleh itu, kajian tersebut telah memberi ruang dalam meneruskan kajian ini dengan menekankan pembangunan bandar di negeri Perak ketika era pentadbiran British.

<sup>36</sup> Yong-Lai Chong. (1976). *The Evolution of the Urban Pattern of Southeast Asia During The Nineteenth and Twentieth Centuries*. Tesis PhD, School of Oriental and African Studies, University of London.





Seterusnya, penulisan Hamzah Sendut tentang sejarah perkembangan perbandaran bertajuk *Some Aspect of Urban Change in Malaya, 1931-1957*<sup>37</sup> ada menjelaskan secara ringkas fasa urbanisasi atau perkembangan bandar yang berlaku di semenanjung Tanah Melayu. Perbandaran yang berlaku di Perak berada di tahap yang ketiga setelah berlaku campur tangan secara rasmi British di Perak. Perkembangan perbandaran turut semakin pesat selepas Perang Dunia Kedua dan ia selari dengan gerakan kearah menuntut kemerdekaan dari Inggeris. Namun, penulisan Hamzah Sendut tersebut tidak memfokuskan perbandaran di negeri Perak sebaliknya menerangkan secara umum konsep perbandaran ketika pentadbiran kolonial British di Malaya. Artikel oleh Hamzah Sendut membantu dalam memberi gambaran berkenaan proses serta fasa perbandaran yang berlaku pada 1930-an sehingga tahun 1957. Penjelasan berkenaan faktor pembangunan bandar yang dinyatakan penulis membantu kajian dalam mengenalpasti isu penting dalam perbandaran ketika era kolonial British.



Dalam *Changing Of South East Asian Cities: Reading On Urbanization*<sup>38</sup> oleh Y.M Yeung et al ada menerangkan perkembangan modernisasi di Malaya tahun 1895 hingga 1969. Antara yang diterangkan ialah analisis berkenaan modernisasi di Malaya tahun 1890-an, 1910-an, 1930-an, 1950-an dan penghujung 1960-an. Penulisan ini menggambarkan perkara-perkara penting dalam proses pembangunan bandar. Ia berbeza dengan permodenan yang berlaku apa 1950-an di mana kawasan pedalaman terus membangun dengan kerana peningkatan sektor pertanian, penanaman padi dan khidmat kesihatan.

<sup>37</sup> Hamzah Sendut. (1965). Some of Aspect Urban Change in Malaya, 1931-1957, *Kajian Ekonomi Malaysia*, 2(1).

<sup>38</sup> Y.M Yeung & C.P Lo. (1976). *Changing of South East Asian Cities: Reading on Urbanization*: New York, Oxford University Press.





Walau bagaimanapun, perubahan modernisasi yang dinyatakan dalam bab ini lebih secara umum di Malaya tanpa tertumpu di negeri Perak sahaja.

Seterusnya, penulisan bertajuk *Perbandaran dan Orang Melayu*<sup>39</sup> oleh Raja Mohd Affandi adalah tidak menceritakan berkenaan pendudukan British namun berkisarkan sejarah perbandaran di Tanah Melayu sekitar 1900 hingga 1970. Penulisan buku ini tidak tertumpu di negeri Perak sahaja tetapi menyatakan secara umum di Tanah Melayu. Bentuk suatu tempat itu dipengaruhi oleh keadaan setempat dan alam sekitarnya serta falsafah sosial masyarakat itu. Kajian tersebut lebih tertumpu kepada aspek perbandaran di negeri Melaka dan juga beberapa negara luar. Penulisan ini membantu dalam menyatakan bahawa alam sekitar turut mempengaruhi perbandaran dan telah menggambarkan kedudukan, status serta populasi orang Melayu di kawasan bandar.



Khoo Kay Kim pula telah menyatakan bahawa kemajuan perusahaan bijih timah mengakibatkan proses perbandaran telah berkembang dengan pesat di Perak terutamanya di kawasan larut dalam bab yang bertajuk *Bijih Timah Dalam Sejarah Perak*<sup>40</sup> di dalam buku Perak Dahulu dan Sekarang. Ia bermula dengan penempatan kecil pada awal kurun ke-16 berdekatan Sungai Perak. Namun perkembangan di negeri Perak bukan hanya disebabkan perlombongan bijih timah sahaja tetapi juga disebabkan faktor munculnya perusahaan getah selepas Perang Dunia Pertama sebagai hasil yang penting. Ini jelas menunjukkan perkembangan yang berlaku di Perak bukan hanya bergantung kepada hasil bijih timah semata-mata namun pihak kolonial turut menjadikan penanaman getah sebagai satu industri yang mendatangkan hasil kepada negeri. Seterusnya masih lagi dengan

<sup>39</sup> Raja Mohd Affandi, (1977), *Perbandaran dan Orang Melayu*: Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur

<sup>40</sup> Khoo Kay Kim. (1988). *Bijih Timah Dalam Sejarah Perak*, Perak Dahulu dan Sekarang, hlm 35-49



penulisan Khoo Kay Kim dalam artikel bertajuk *Taiping: The Early History of A Mining Settlement*.<sup>41</sup> Sedikit perbezaan dengan penulisan dalam bab Bijih Timah di Negeri Perak adalah berkenaan penanaman getah yang dinyatakan lebih terperinci. Antaranya berlaku ledakan bilangan penanaman getah pada awal abad ke-20 dengan daerah Matang sebagai salah satu kawasan utama penanamannya di samping Sungai Ujong dan Klang. Terdapat juga nama-nama ladang yang terdapat di daerah tersebut yang akan membantu dalam proses menjalankan kajian berkenaan ekonomi di Taiping. Kedua-dua penulisan Khoo Kay Kim telah menggambarkan bahawa perkembangan yang berlaku di Perak disebabkan kepelbagaiaan hasil yang wujud walaupun tidak dapat banyak maklumat berkenaan perusahaan getah kerana penulis lebih memfokuskan kegiatan perlombongan bijih timah.

Kajian oleh Mohd Razali Agus dalam penulisan buku bertajuk *Pembangunan Perumahan: Isu dan Prospek* ada menyentuh aspek proses perbandaran dan perbincangan berkenaan populasi masyarakat Melayu di bandar-bandar utama di Malaysia.<sup>42</sup> Kajian ini secara keseluruhannya berkisarkan perkembangan serta pertumbuhan bandar yang berlaku di semenanjung Malaysia. Kajian tersebut turut membincangkan perkembangan bandar dalam aspek politik dan sosioekonomi pada era kolonial British di awal kurun ke-20 serta kesan pentadbiran British terhadap pembangunan bandar Mohd Razali turut menekankan bahawa kegiatan ekonomi dan politik penjajah telah memberi kesan kepada kemunculan bandar-bandar baru.<sup>43</sup> Penulisan dalam bab ini menggambarkan bahawa kemasukan kolonial di Tanah Melayu umumnya dan Perak khususnya memberi kesan terhadap pembangunan bandar kerana kepesatan kegiatan ekonomi tertentu pada waktu itu.

<sup>41</sup> Khoo Kay Kim. (1990). *Taiping: The Early History of Mining Settlement*, *Journal of Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society*, 64 (1)

<sup>42</sup> Mohd Razali Agus. (1992). *Proses Perbandaran Masyarakat Melayu Bandar*, di dalam *Pembangunan Perumahan: Isu dan Prospek*, hlm 29

<sup>43</sup> Ibid, hlm 33

Perbandaran merupakan fokus utama dalam kajian ini. Satu penulisan bab bertajuk urbanisasi dan urbanisme<sup>44</sup> oleh Hariaty Abu Hassan menghuraikan konsep berkenaan perbandaran. Penulisan dimulakan dengan penjelasan tentang definisi perbandaran itu sendiri dan diikuti dengan konteks sejarah perbandaran. Penulisan dalam bab ini sedikit membantu dalam menjelaskan definisi perbandaran melalui huraiannya yang agak terperinci. Di samping itu, bab ini turut memberi panduan bahawa aspek kehidupan manusia turut penting dalam sesbuah kajian mengenai perbandaran selain transformasi fizikal yang berlaku kerana ia selari pembangunan bandar memberi impak besar terhadap norma hidup masyarakat.

Seterusnya masih lagi berkisarkan perbandaran, kajian yang dijalankan oleh Usman Yaakob et al bertajuk *Ninety Years of Urbanization in Malaysia: A Geographical Investigation of Its Trends and Characteristics*<sup>45</sup> telah mengkaji landskap pembangunan petempatan, bandar dan kawasan yang telah diwartakan mempunyai populasi 10 000 ke atas dalam tempoh tahun 1911 hingga 2000. Dalam kajian ini turut dinyatakan bahawa perkembangan perbandaran disebabkan oleh pentadbiran British. Berdasarkan analisis statistik saiz populasi di penempatan bandar tahun 1911 sehingga 2000 yang dikaji penulis, tahun 1957 ke atas telah menyaksikan pertumbuhan yang drastik terhadap bilangan petempatan bandar. Namun, tiada statistik khusus yang menunjukkan perkembangan bandar di negeri Perak tahun 1900-1957. Secara keseluruhannya, penulisan ini memberi gambaran bahawa pendudukan British sememangnya telah memberi impak terhadap struktur perbandaran di Tanah Melayu secara umum.

<sup>44</sup> Hariaty Abu Hassan. (2000). Urbanisasi dan Urbanisme dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 260-267

<sup>45</sup> Usman Yaakob, Tarmizi Masron & Fujimaki Masami. (2010). Ninety Years of Urbanization in Malaysia: A Geographical Investigation of Its Trends and Characteristics, *Journal Ritsumeikan Social Science Humanity*, 4, 79-101

Perak yang merupakan antara negeri terawal mengalami perkembangan perbandaran di mana Ipoh menjadi bandar bijih timah ketika zaman pentadbiran British. Satu kajian bertajuk *Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi Sebuah Bandaraya<sup>46</sup>* oleh Mohd Hairy Ibrahim *et al* telah merungkaikan pembangunan bandar di Ipoh serta meneliti perubahan persekitaran dan tempat tinggal atau petempatan penduduk. Kajian tersebut hanya terhad dan memberi tumpuan kepada bandar Ipoh yang membangun kerana kegiatan ekonomi berasaskan perlombongan bijih timah di daerah Lembah Kinta. Kajian perkembangan bandar Ipoh selepas merdeka turut dijelaskan dalam penulisan tersebut. Secara umumnya, penulisan Hairy Ibrahim itu juga kurang menyentuh berkenaan aktiviti ekonomi lain yang menyumbang kepada perbandaran. Oleh itu kajian tersebut telah membuka ruang dalam mengenal pasti aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain menyumbang kepada pembangunan bandar di negeri Perak khususnya di bandar Ipoh. Seterusnya, terdapat juga kajian oleh Mohd Hasrol Haffiz Aliasak *et al* bertajuk *Perkhidmatan Kereta Api Lembah Kinta: Laluan Ipoh Tronoh, Satu Tinjauan Sejarah*. Kajian tersebut lebih cenderung kepada analisis sejarah perkhidmatan kereta api pada era British yang menghubungkan Ipoh dengan Tronoh bermula 1908 hingga 1943. Kertas kerja ini telah memberi maklumat penting berkenaan sejarah pengangkutan awal di Perak di samping impaknya terhadap pembukaan bandar baharu sepanjang laluan kereta api. Walaupun tidak menceritakan secara terperinci bagaimana bermulanya petempatan baru, penulisan ini telah membantu kajian ini berkenaan lokasi penting bermulanya penempatan baru setelah perkhidmatan kereta api Ipoh-Tronoh ini dijalankan.

<sup>46</sup> Mohd Hairy Ibrahim, Jamaluddin Md Jahi, Abdul Samad Hadi & Khairi Ariffin. (2011). *Menyingkap Perkembangan Perbandaran Ipoh Menjadi Sebuah Bandaraya*, *Sari-International Journal of the Malay World and Civilization*, 29(2), hlm 149-166.

Kedua-dua penulisan ini mempunyai persamaan dalam menceritakan kemudahan yang wujud ketika era kolonial British dan perkembangan bandar baharu yang muncul. Hal ini sekaligus membantu dalam mendapatkan maklumat awal berkenaan kesan pentadbiran British terhadap pembangunan di Ipoh melalui pembinaan kemudahan beberapa jenis perkhidmatan. Walau bagaimanapun, penulisan artikel ini tidak menjelaskan aktiviti lain yang menyumbang kepada pembangunan kerana lebih tertumpu kepada penulisan berkenaan kegiatan perlombongan.

Seterusnya penulisan bertajuk *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development* tulisan Khoo Salma Nasution dan Abdur-Razzaq Lubis padat dengan maklumat berkenaan pembangunan yang berlaku di daerah dalam Lembah Kinta.<sup>47</sup>

Bermula dengan sejarah awal Lembah Kinta, penulis menceritakan secara terperinci juga kisah 15 mukim di dalam daerah Lembah Kinta dan kebanyakkan daerah dikaitkan dengan aktiviti perlombongan yang telah menyumbang kepada pertumbuhan perbandaran yang lebih moden. Penulisan ini banyak membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat berkenaan sejarah Lembah Kinta yang merupakan sebahagian daerah di negeri Perak dan peranan bijih timah dalam menjadikan petempatan di Perak lebih bertambah dan membangun walaupun mengalami kejatuhan ketika Perang Dunia Pertama.

Buku bertajuk *Ipoh, When Tin Was King*<sup>48</sup> oleh Ho Tak Ming ada menyentuh berkenaan sejarah penanaman getah dalam bab bertajuk *Planters*.<sup>49</sup> Ho Tak Ming ada menyatakan di dalam bab penulisan beliau bahawa transformasi landskap perbandaran Ipoh

<sup>47</sup> Khoo Salma Nasution & Abdul Razzaq Lubis.. (2005), *Kinta Valley Pioneering Malaysia's Modern Development*, Ipoh:Perak Academy.

<sup>48</sup> Ho Tak Ming, (2009). *Ipoh When Tin Was King*: Ipoh, Perak Academy

<sup>49</sup> Ibid, hlm 295

turut berlaku dengan penanaman getah seluas 9500 ekar. Hal ini telah memberi gambaran bahawa kegiatan pertanian juga memainkan peranan dalam mempengaruhi struktur perbandaran yang berlaku sepanjang era kolonial British di Ipoh di samping kegiatan perlombongan. Walau bagaimanapun, penjelasan berkenaan aspek lain dalam perbandaran selain daripada kegiatan perlombongan dijelaskan secara dasar kerana lebih menekankan isu dan kesan aktiviti perlombongan di Ipoh.

Berkenaan penjajahan pula, artikel yang bertajuk Kolonialisme British Terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Ketika Perang Dunia<sup>50</sup> Pertama oleh Muhammad Aslah Akmal Azmi *et al* menerangkan langkah-langkah yang dilakukan British dalam penggubalan dasar ketika zaman perang telah mengukuhkan kedudukannya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu khususnya Perak. Artikel ini sedikit telah membantu menjelaskan usaha dilakukan British dalam pentadbirannya bagi mengukuhkan kuasanya di negeri Melayu. Dasar yang dilakukan British ini telah memberi kesan terhadap perubahan, pembangunan sosial dan perbandaran negeri dan aspek ini tidak dijelaskan dalam penulisan artikel.

Penulisan Nor Hisham Zulkiflee dalam tesis bertajuk *Bandar dan Pekan Perlombongan di Perak 1874-1940* telah menerangkan berkenaan kewujudan bandar serta pekan yang wujud akibat kegiatan perlombongan bijih timah di Perak.<sup>51</sup> Dalam kajian ini, penulis lebih memfokuskan perkembangan kawasan bandar dan pekan akibat daripada

<sup>50</sup> Muhammad Aslah Akmal Azmi. (2016). Mohd Samsudin & Mohd Shazwan Mokhtar, Kolonialisme British Terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Ketika Perang Dunia Pertama, *Journal of Science and Humanity*, 2 (2016), 83-95

<sup>51</sup> Nor Hisham Zulkiflee. (2016). Bandar dan Pekan Perlombongan Bijih Timah di Perak, 1874-1940, Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris

aktiviti perlombongan dan sedikit berkenaan faktor dasar pemerintahan British di daerah Larut, Kinta dan Batang Padang. Kajian ini lebih tertumpu kepada kegiatan perlombongan bijih timah tanpa mengambil kira kegiatan ekonomi lain yang turut menyumbang kepada pembangunan bandar di Perak. Malah, dalam kajian tersebut telah ditegaskan bahawa bandar dan pekan di Perak telah wujud akibat daripada kegiatan perlombongan bijih timah. Kajian tersebut turut merungkaikan peranan aktiviti perlombongan dalam proses perbandaran di ketiga-tiga daerah yang terlibat. Namun, kajian yang dilakukan ini membantu memberi gambaran awal berkenaan bandar yang muncul kesan kegiatan perlombongan bijih timah. Kajian tersebut juga memperlihatkan terdapat lagi aspek lain yang turut menyumbang kepada perbandaran di negeri Perak namun hanya dijelaskan secara dasar dan tidak terlalu terperinci. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini merungkaikan aspek, faktor dan kesan pembangunan bandar era kolonial British selain daripada konteks perbincangan berkenaan kegiatan perlombongan bijih timah sahaja.

Mohd Jaki Mamat *et al*<sup>52</sup> dalam kajiannya berkenaan sistem perancangan bandar awal di pekan kecil mempunyai persamaan dengan kajian Nor Hisham kerana kedua-kedua kajian tersebut menekankan pembangunan pekan kecil yang terdapat di negeri Perak. Penulisan Mohd Jaki Mamat et al lebih memberi penekanan terhadap sistem susunan dan pelan pembangunan awal di pekan yang terlibat iaitu Tanjung Rambutan, Pusing, Sungkai, Padang Rengas, Kuala Kurau, Lenggong, Klian Intan, Lumut, serta Parit dan Bagan Datoh. Kajian tersebut juga memperlihatkan susun atur binaan bangunan yang terdapat di pekan-pekan terlibat yang dipegaruhi oleh faktor lokasi. Penjelasan berkenaan susun atur

<sup>52</sup> Mohd Jaki Mamat & Muhamad Firzan Abdul Aziz. (2018). Early Town Planning System of SmallTown in Perak. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 16(4), 55-67.

bangunan di pekan kecil dalam aspek geografi amat penting dalam memberi gambaran susunan binaan di bandar-bandar utama yang terlibat dalam kajian ini.

Manakala penulisan Sapiah Mohd Baki bertajuk *Struktur dan Fungsi Bandar-Bandar Kecil di Malaysia Kajian Kes Teluk Intan*<sup>53</sup> adalah berkenaan bagaimana perbandaran berlaku dengan melakukan kajian terhadap daerah Teluk Intan. Penulis telah menyatakan statistik pertumbuhan bandar pada 1947 hingga 1970. Selain itu, kajian terhadap daerah Kinta bertajuk Perkembangan Penduduk Melayu di Daerah Kinta 1880-1930<sup>54</sup> oleh Abdul Rahim Abu Bakar memfokuskan pertambahan penduduk Melayu yang berlaku pada Kinta.

Kedua-dua penulisan ini mempunyai sedikit persamaan dalam menceritakan sejarah dan populasi penduduk di Teluk Intan dan Kinta yang membawa kepada perkembangan bandar. Walaupun penulisan Abdul Rahim Abu Bakar mengkaji perkembangan penduduk Melayu, terdapat maklumat berkenaan perkembangan kaum lain seperti kaum India yang dikatakan mengatasi bilangan penduduk Melayu pada sekitar 1901 sehingga 1911. Pertambahan bilangan ini adalah lantaran keperluan buruh dari India yang sangat diperlukan pada waktu itu oleh pentadbiran British bagi berkhidmat dalam sektor pembinaan seperti pembinaan infrastruktur di daerah itu. Kedua-dua penulisan ini memberi gambaran bahawa dalam proses pembangunan perbandaran di negeri Perak, faktor kemasukan imigran perlu diambil kira kerana terlibat secara langsung dalam proses pembinaan infrastruktur yang memacu ke arah pembangunan serta mempengaruhi

<sup>53</sup> Sapiah Baki, (1984). Struktur dan Fungsi Bandar-Bandar Kecil Di Malaysia, Kajian Kes Teluk Intan 1957-1982, Latihan Ilmiah Tahun Akhir, Universiti Sains Malaysia,

<sup>54</sup> Abdul Rahim Abu Bakar. (1977). Perkembangan Penduduk Melayu di Daerah Kinta 1880-1930 an, Laporan Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Malaya.,

pertambahan populasi penduduk di daerah itu. Maklumat dalam kedua-dua kajian ini sememangnya tidak membantu secara menyeluruh berkenaan proses perbandaran namun membantu dalam mendapatkan data berkenaan penduduk Melayu dan kemasukan imigran dari India untuk tujuan sektor pembangunan.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan menyediakan satu sumber maklumat yang penting dalam proses untuk memahami aspek sejarah pembangunan perbandaran negara yang berlaku ketika zaman kolonial. Penyelidikan yang dijalankan juga memberi gambaran kepada masyarakat berkenaan perubahan persekitaran yang dialami era ini sebenarnya bermula daripada peristiwa sejarah tanah air suatu ketika dahulu.

Pertembungan serta pembangunan yang berasaskan Eropah telah membentuk perkembangan dan gaya pemikiran baru di samping penerapan budaya yang dijadikan panduan dalam proses pembangunan negara. Kajian yang dilakukan ini berbeza dengan penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya kerana hanya tertumpu kepada legasi kolonial British di Perak yang merangkumi aspek pembangunan perbandaran serta perubahan persekitaran yang telah berlaku. Kajian meliputi penulisan sejarah tentang British di Perak dan perubahan yang berlaku serta sumbangannya terhadap kemunculan beberapa kemudahan perkhidmatan yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan perbandaran.

Kajian yang dilaksanakan ini juga akan menjadi salah satu sumber pencejahan dalam bidang sejarah khususnya dalam aspek pembangunan bandar era kolonial di negeri Perak. Perbincangan dalam kajian ini menyumbang dalam perbahasan tentang analisis perbandaran di Perak yang melibatkan pembangunan infrastruktur serta kemudahan prasarana penting kesan daripada pembangunan bandar.

## 1.9 Definisi Istilah

### Kolonial

Kolonial berasal daripada perkataan koloni yang membawa maksud kawasan jajahan politik. Ia juga merujuk kepada kawasan yang bukan di bawah pemerintahan sendiri.<sup>55</sup> Menurut Fieldhouse<sup>56</sup> pula, istilah kolonial membawa maksud kuasa asing yang menguasai suatu tanah jajahan di luar kawasan wilayah asalnya. Kebiasaanya, tujuan utama kolonial menguasai suatu wilayah adalah untuk menguasai kepentingan ekonomi dan mengeksplorasi bahan mentah yang dimiliki kawasan tersebut. Kolonialisme pula pembentukan sebuah koloni oleh kuasa kolonial di mana kuasa penjajahannya lebih kuat ke atas kerajaan yang lebih lemah. Istilah kolonialisme berkembang pada abad ke-19. Perubahan ini adalah bersandarkan keadaan penguasaan politik, ekonomi dan juga tahap intelektual wilayah yang dikuasai.

<sup>55</sup> Ensiklopedia Malaysiana. (1996). Jilid 7, Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd, hlm 184

<sup>56</sup> Fieldhouse D.K, Colonialism 1870-1945 *An Introduction*, (1981). Dipetik dalam Muhammad Aslah Akmal Azmi, Mohd Shazwan Mokhtar & Mohd Shamsudin. (2016). Kolonialisme British terhadap Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Ketika Perang Dunia Pertama, *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 2, hlm 86



## Pembangunan

Istilah pembangunan membawa maksud tingkat kehidupan yang lebih baik daripada kebiasaan sebelumnya dan memerlukan perancangan yang sempurna dalam proses merealisasikannya.<sup>57</sup> Dalam masa yang sama, ia meliputi aspek ekonomi, sosial dan rohani.

Menurut Michael Todaro pula, istilah pembangunan melibatkan proses penyusunan dan orientasi semula keseluruhan sistem ekonomi, sosial, struktur pentadbiran, budaya serta adat resam masyarakat.<sup>58</sup> Berdasarkan huraian ini, pembangunan sebenarnya tidak hanya tertumpu terhadap satu perkara sahaja dan skopnya agak luas. Di samping itu, pembangunan juga menjadi satu fenomena ketika bermulanya abad ke-20 dan menjadi asas perubahan sesebuah negara.<sup>59</sup> Peranan manusia juga turut terlibat dalam mencapai matlamat perubahan ini.



Secara asasnya, pembangunan juga sebenarnya berdasarkan idea, pemikiran dan juga falsafah dari Barat dan pembangunan yang berlaku akan dikaitkan dengan proses perbaratan terutamanya jika berlaku di negara dunia ketiga.<sup>60</sup> Konsep yang dinyatakan ini berkait dengan kajian yang akan dijalankan di mana sejarah pembangunan yang berlaku di Perak merupakan kesan daripada peninggalan jajahan British.

<sup>57</sup> Dani Salleh. (2009). *Urbanisasi Perancangan dan Kawalan*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, hlm 1.

<sup>58</sup> Michael Todaro. (1977). Dalam Wong Chia Chia, Pembangunan Kegunaan Bercampur Sebagai Alternatif Dalam Pembangunan Bandar, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.

<sup>59</sup> Halmi Zainol. (2010). *Perancangan Fizikal Kontemporari*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara, hlm 84.

<sup>60</sup> Rahimah Aziz. (2000). Globalisasi Dalam Era Pembangunan: Pengalaman Malaysia, di dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*: Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 20



## Bandar

Idea serta konsep bandar dikatakan bermula daripada idea Ebenezer Howard yang menjelaskan prinsip serta konsep berkenaan bandar baru pada tahun 1898 dan idea tersebut terus berkembang.<sup>61</sup> Istilah bandar mempunyai pelbagai tafsiran. Secara umumnya bandar itu didefinisikan sebagai pusat pentadbiran, pusat perniagaan, pusat kebudayaan, dan pusat pendidikan. Lokasi geografi, saiz penduduk, mod pekerjaan dan aktiviti ekonomi juga mempengaruhi dalam memberi takrifan sebenar bandar. Ia juga ditakrifkan sebagai kawasan yang diwartakan serta kawasan bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua penduduk berjumlah 10,000 ke atas.<sup>62</sup> Walau bagaimanapun, terdapat juga takrifan dan pandangan yang berbeza berkenaan definisi bandar. Menurut Charles Hirschman, tiada takrifan rasmi tentang saiz minimum bagi sesuatu kawasan bandar dalam konteks negara Malaysia.<sup>63</sup> Analisis pola perbandaran di dalam laporan bancian, dokumentasi kerajaan, dan melalui kajian sosial juga cenderung menggunakan ciri-ciri serta saiz populasi yang berbeza dalam mengklasifikasikan kawasan bandar.

Sarjana Geografi juga mendefinisikan bandar berpandukan kepada lokasi yang kepadatan penempatan melebihi kepadatan penduduk, mempunyai penduduk yang mempunyai pekerjaan lebih tinggi di sektor bukan primer dan juga lokasinya membolehkan kawasan itu menjadi pusat kebudayaan, ekonomi dan pentadbiran.<sup>64</sup> Secara umumnya,

<sup>61</sup> Muhamad Dzahir Abu Bakar. (1996). Perancangan Pembangunan Bandar Baru: Kajian Kes Bandar Baru Pasir Gudang. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, hlm 1

<sup>62</sup> Kerajaan Malaysia. (1996). Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Kuala Lumpur, hlm 162

<sup>63</sup> Charles Hirschman & Yeoh Suan-Pow. (1979). Ethnic Pattern of Urbanization in Peninsular Malaysia, 1947-1970. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 7(1), hlm 3

<sup>64</sup> Muhamad Dzahir Abu Bakar. (1996). Perancangan Pembangunan Bandar Baru: kajian Kes Bandar Baru Pasir Gudang. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.,



bandar adalah berbeza dengan kawasan pedalaman atau pekan-pekan kecil dalam aspek bilangan penduduk, demografi serta gaya hidup masyarakatnya.<sup>65</sup>

Menurut Hawley, sesebuah bandar perlu mempunyai aspek-aspek tertentu yang mendorong kepada terbentuknya bandar tersebut. Aspek yang pertama ialah mempunyai identiti fizikal yang tersendiri seperti kewujudan binaan kekal secara berkelompok dan dalam keadaan padat. Penghuni-penghuni bandar pula melaksanakan kehidupan mereka secara kolektif. Aspek kedua pula mempunyai kelompok penduduk dengan kepadatan yang tinggi dan aspek yang ketiga dalam keutamaan politik yang merujuk pada kelompok penduduk berkerajaan sendiri. Aspek keempat ialah kualiti kehidupan seperti perkhidmatan yang disediakan lebih baik berbanding dengan kawasan bukan dikategorikan sebagai bandar. Berdasarkan empat aspek tersebut, Hawley telah menegaskan bahawa bandar merujuk kepada unit sempadan pentadbiran yang tetap dengan kepadatan yang relatif serta penduduknya menjalankan kegiatan ekonomi dalam pelbagai bidang.<sup>66</sup>

Setiap bandar utama di negeri-negeri Melayu ketika era pentadbiran British mempunyai pejabat daerah yang diselia oleh penguasa jajahan tersebut. Pegawai daerah lantikan kolonial British kebiasaannya terdiri daripada orang Eropah dan orang tempatan.

<sup>65</sup> Yong-Lai Chong. (1976). *The Evolution of the Urban Pattern of Southeast Asia During The Nineteenth and Twentieth Centuries*. Tesis PhD, School of Oriental and African Studies, University of London, hlm 11

<sup>66</sup> Hawley A.H. (1971). *Urban Society: An Ecological Approach*, New York: The Ronald Press, hlm 9.



## Perbandaran

Perbandaran secara umumnya adalah satu proses perkembangan sesebuah bandar sama ada daripada aspek perkembangan keluasan bandar dan juga pertambahan bilangan penduduk. Di samping itu, ia turut mengambil kira aspek aktiviti perkhidmatan, perdagangan serta perindustrian di suatu bandar.<sup>67</sup> Hal ini mempunyai persamaan dengan padangan Hawley yang turut menekankan peranan kegiatan ekonomi dalam perbahasan berkenaan istilah bandar. Setiap perbincangan dan analisis berkenaan perkembangan perbandaran memerlukan satu statistik yang tepat bagi jumlah populasi di bandar yang diperolehi melalui bancian.<sup>68</sup> Definisi perbandaran di Malaysia merujuk kepada kepada proses pembangunan yang berlaku di bandar-bandar tertentu sehingga kawasan yang diwartakan dan mempunyai populasi 10,000 ke atas.

Sejarah perbandaran secara umum di telah bermula selepas penjajahan Eropah pada abad keenam. Wilayah Asia Tenggara adalah pembekal bahan mentah yang utama dan komoditi komersial seperti rempah, bijih timah, dan pengeluaran hasil pertanian. Perjuangan perdagangan komersial dan imperialisme melalui kekuatan barat Portugal, Belanda, Sepanyol, Britain, Perancis, dan Amerika Syarikat pada berbagai masa telah menduduki dan memerintah Asia Tenggara mengecualikan Thailand sehingga pencerobohan Perang Dunia II oleh tentera imperialis Jepun. Bandar-bandar pasca kolonial merujuk terutamanya kepada bandar-bandar yang ada dalam masyarakat yang pernah dijajah sebelumnya. Pasca kolonial mempunyai pengaruh terpenting pada ekonomi, masyarakat, budaya, agama, politik, persekitaran ruang dan binaan, dan juga keselamatan

<sup>67</sup> Rahimah Abdul Aziz. (2000). Globalisasi dalam era pembangunan: Pengalaman Malaysia, dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 10

<sup>68</sup> Usman Yaakob, Tarmiji Masron & Fujimaki Masami. (2010). *Ninety Years of Urbanization in Malaysia: A Geographical Investigation of Its Trends and Characteristics*, hlm 81



bandar. Empayar Britain semakin meningkat di Asia Tenggara kerana perdagangan barat, pelaburan, lokasi yang strategik dengan perdagangan China, diikuti oleh Terusan Suez pada tahun 1871, dan komunikasi telegraf merevolusikan sejak tahun 1971.<sup>69</sup>

Istilah perbandaran yang juga sering disebut sebagai urbanisasi membawa maksud pertumbuhan bandar besar dan kawasan utama seiring dengan perubahan populasi masyarakat yang tinggal di kawasan bandar.<sup>70</sup> Pada tahun 1931, definisi perbandaran dalam era British Malaya terdiri daripada keluasan kawasan yang terhad sekurang-kurangnya 1000 penduduk. Manakala pada tahun 1970, definisi tersebut telah berubah iaitu perbandaran merangkumi kawasan yang mempunyai penduduk seramai 100,000 ke atas.<sup>71</sup>



berlaku di negara Eropah dan telah membawa kepada perubahan fundamental di dalam struktur masyarakat di negara-negara Eropah kerana berlaku pertambahan populasi penduduk. Dalam konteks tempatan, negara Malaysia telah mengalami *primary urbanization* yang merupakan fasa terawal dalam proses perbandaran.<sup>72</sup> Malah, pusat perbandaran di Malaysia kini disifatkan sebagai hasil dan kesan daripada pentadbiran dan penguasaan British di Tanah Melayu selama hampir 200 tahun.

<sup>69</sup> Lee Yoke Lai. (2016). *Study on the Evolution of a Heritage Tin Mining Town: A Case of Taiping in Perak, Malaysia*, Tesis Doktor Falsafah, hlm 44

<sup>70</sup> Hariaty Abu Hasan. (2000). Urbanisasi dan Urbanisme, dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 260

<sup>71</sup> Elsa Lafaye De Micheaux. (2017). *The Development of Malaysian Capitalism From British Rule To The Present Day*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre. Hlm 63

<sup>72</sup> Lim Heng Kow. (1978). *The Evolution of Urban System in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, hlm 1



Pada penghujung abad ke-19, pentadbiran kolonial British telah melaksanakan *British-style sanitary regime* dalam usaha untuk beradaptasi dengan perubahan infrastuktur perbandaran yang semakin moden.<sup>73</sup> Konsep *sanitary city* disifatkan sebagai konsep pentadbiran yang praktikal, dan memberi kepentingan terhadap penduduk yang menetap di bandar. Sistem perbandaran pula merujuk kepada satu jaringan yang diwakili oleh pusat bandar dan dihubungkan melalui rangkaian pengangkutan dalam ruang aktiviti ekonomi.<sup>74</sup> Sistem perbandaran terbentuk hasil daripada sejarah pembangunan dalam tempoh yang lama serta kompleks.

## 1.10 Kaedah Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah sepenuhnya menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif. Kaedah kualitatif didefinisikan sebagai kaedah yang memberatkan usaha untuk mencari serta memberi keterangan dan pemerhatian secara bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik<sup>75</sup> Kajian kualitatif ini terbahagi kepada kepada empat iaitu melalui pendekatan analisis dokumen atau manuskrip, kajian tindakan, kajian kes dan kajian lapangan.

Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji akan menggabungkan beberapa cara dan pendekatan dalam kaedah kualitatif supaya pengumpulan data dan maklumat yang diperolehi tepat. Data kualitatif ini berbentuk penerangan atau deskriptif yang berupa kata

<sup>73</sup> Lees, L. H. (2017). *Planting Empire, Cultivating Subject (British Malaya 1786-1941)*. Cambridge: Cambridge University Press., hlm 49

<sup>74</sup> Lim Heng Kow,

<sup>75</sup> Kamarul Azmi Jasmi, Penyelidikan Kualitatif Dalam Sains Sosial, 2012, hlm 4



lisan mahupun tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati.<sup>76</sup> Analisis dokumen<sup>77</sup> dan kajian manuskrip akan menjadi teraju utama dalam kajian bagi mendapatkan data dan bukti nyata dan tepat. Di samping itu, menganalisis dokumen serta manuskrip penting dalam proses memahami sejarah. Dalam analisis dokumen dan manuskrip, pengkaji memfokuskan penggunaan sumber primer iaitu rekod kolonial, laporan tahunan serta dokumen lama sejarah negeri Perak. Kajian juga akan dijalankan di perpustakaan, arkib neangara dan arkib negeri. Antara sumber primer yang akan digunakan ialah *Perak Government Gazette*, *Perak Annual Report*, *Perak Secretariat* serta *District Annual Report*. Penggunaan dokumen ini penting bagi mendapatkan maklumat dari sumber primer bagi melengkapkan data kajian.

Seterusnya bagi memantapkan lagi maklumat yang diperolehi dari sumber primer tersebut, pengkaji juga akan merujuk pada sumber sekunder hasil kajian dan penulisan penulis terdahulu. Antara sumber kedua yang digunakan adalah buku-buku dan artikel-artikel berkenaan berkaitan sejarah negeri Perak. Rujukan dilakukan di perpustakaan arkib, perpustakaan negeri, dan perpustakaan universiti awam. Penulisan laporan kajian adalah berunsurkan perceritaan sejarah.

<sup>76</sup> Steve J. Taylor, Robert Bogdan, *Introduction To Qualitative Research Method: The Search For Meaning*, 1984

<sup>77</sup> Istilah dokumen itu sendiri merujuk kepada bahan-bahan seperti fotograf, video, filem, rekod kes serta surat yang boleh digunakan sebagai maklumat sokongan temu bual dan pemerhatian, lihat Bogdan R.C & biklen S.K. (1998). dipetik dari Othman Lebar,*Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, hlm 138



## 1.11 Pembahagian bab

Penulisan dalam kajian ini telah dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama lebih tertumpu kepada latar belakang kajian secara keseluruhan. Ia merangkumi pengenalan, permasalahan kajian, persoalan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, skop kajian, tinjauan kajian, kepentingan kajian, definisi istilah kaedah kajian dan pembahagian bab.

Seterusnya, bab yang kedua menghuraikan sejarah dan latar belakang kemunculan bandar-bandar di negeri Perak. Faktor yang mendorong kedatangan British untuk meluaskan kuasanya di negeri Perak merupakan salah satu topik yang akan dibincangkan. Sistem politik dan ekonomi juga akan dihuraikan bagi mengenalpasti perubahan yang dilakukan kolonial British dalam pentadbirannya hingga mencetuskan perubahan struktur perbandaran. Bab ini turut menjelaskan komposisi penduduk di petempatan tradisional di negeri Perak serta kegiatan ekonomi masyarakat setempat.

Bab ketiga adalah perbincangan berkenaan bandar-bandar utama di dalam negeri Perak. Kegiatan ekonomi yang dibincangkan ini telah menjadi penyumbang kepada perbandaran negeri Perak era kolonial British. Perbincangan juga berkisarkan bandar-bandar utama berdasarkan populasi dan tumpuan aktiviti ekonomi yang dijalankan dalam menyumbang kepada perbandaran negeri Perak. Bandar yang dibincangkan adalah Grik, Taiping, Ipoh, Batu Gajah, Kampar dan juga Teluk Anson.

Bab yang keempat pula menyenaraikan serta huraian berkenaan polisi dan penglibatan kolonial British terhadap bandar-bandar utama negeri Perak serta pembangunan yang berlaku kesan daripada polisi yang dilaksanakan. Pembangunan ini terdiri daripada kemudahan perkhidmatan dan juga bangunan yang wujud di bandar-bandar tersebut. Penulisan bab ini akan dibahagikan mengikut penubuhan jabatan-jabatan kerajaan, pelan dan rancangan pembangunan, pembinaan prasarana bandar dan institusi awam serta perkembangan jaringan pengangkutan awam.

Seterusnya, bab yang kelima pula berkenaan isu dan masalah perbandaran yang berlaku ketika era kolonial British ke arah pembentukan negeri yang membangun. Bab ini akan memperlihatkan permasalahan yang wujud dalam kalangan masyarakat bandar yang telah landskap perbandaran. Perubahan populasi penduduk bandar juga dinyatakan dan dibincangkan di samping isu dalam pentadbiran Town Planning Department.

Bab enam yang juga merupakan bab terakhir kajian adalah rumusan serta kesimpulan secara keseluruhan pembangunan perbandaran yang berlaku kesan daripada pentadbiran kolonial British. Kepentingan dan keburukan kolonialisme juga akan diperjelaskan dalam bab yang terakhir ini bagi memberi gambaran menyeluruh berkenaan impak pejajahan kuasa luar terhadap negeri Perak.



## 1.12 Kesimpulan

Pentadbiran British telah memberikan kesan besar terhadap landskap pembangunan negeri Perak khususnya dalam aspek perbandaran. Pada asalnya kedatangan kolonial British ke negeri-negeri Melayu adalah bertujuan untuk menguasai ekonomi serta politik tempatan hingga menjadi pengeluar bijih timah yang terbesar di Tanah Melayu. Perkembangan sektor ekonomi bukan hanya dijana daripada kegiatan perlombongan sahaja malah turut dipengaruhi oleh pelbagai aktiviti ekonomi lain yang mendorong kepada pembangunan sebuah bandar.

